



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2025**

**TATACARA PERMOHONAN PROGRAM DAYA KERJAYA 3.0 -  
SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI  
SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR  
DI BAWAH BELANJAWAN 2025**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling Majikan ini bertujuan memaklumkan mengenai prosedur pelaksanaan bantuan kewangan RM600 bagi tempoh maksimum 3 bulan di bawah Belanjawan 2025 yang diberikan kepada majikan di sektor swasta dan GLC (*Government-Linked Companies*) serta GLIC (*Government-Linked Investment Companies*) untuk pengambilan pekerja baharu daripada kumpulan sasaran dalam kalangan golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan bekas banduan bagi mendapatkan pekerjaan dan gaji dengan nilai yang lebih tinggi.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 telah membuat pengumuman berhubung pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai pelan pemulihan ekonomi negara impak daripada penularan COVID-19. Pelan ini merangkumi tiga (3) Insentif iaitu Program Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive*), Bantuan Mobiliti dan Program Latihan Insentif

Penjana Kerjaya (IPK) yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO bagi melaksanakan fungsi *National Employment Services* serta menambah baik Portal Pekerjaan Negara iaitu Portal **MYFutureJobs**.

- 2.2 Pada 6 November 2020, Kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 2021 yang akan melanjutkan pelaksanaan Program Pengambilan Pekerja yang lebih komprehensif di mana semua kategori pekerja adalah layak menerima Elaun Persediaan Kerja dan juga menjalani latihan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Program ini dikenali sebagai PenjanaKerjaya 2.0.
- 2.3 Pada 28 Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bertujuan untuk melanjutkan program pengambilan pekerja kepada PenjanaKerjaya 3.0 dengan mengekalkan bantuan insentif-insentif sebelum ini iaitu Insentif Perantisan, Insentif Pengambilan Pekerja, Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti), dan juga kelayakan menjalani latihan kepada semua pekerja baharu diambil yang diluluskan.
- 2.4 Pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan Bajet 2022 yang merangkumi inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia yang merupakan insentif penggajian kepada majikan yang mengambil Keluarga Malaysia yang tidak aktif bekerja. Kerajaan akan memberikan insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30 peratus bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan bergaji 1,500 ringgit ke atas.

- 2.5 Kerajaan juga telah menambahbaik program ini kepada JaminKerja 2.0 dengan menyasarkan majikan yang mengambil pekerja baru dalam kalangan sektor pelancongan, wanita penggantian pekerja asing dan pegawai dagang, dan golongan rentan seperti OKU dan lain-lain.
- 2.6 Di bawah Belanjawan 2023, Program Daya Kerjaya telah diperkenalkan sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Februari 2023. Program Daya Kerjaya bertujuan untuk menggalakkan sektor swasta menggaji pekerja dengan nilai yang lebih tinggi serta merangsang permintaan pekerja dalam kalangan majikan.
- 2.7 Insentif penggajian susulan telah diperkenalkan iaitu Daya Kerjaya 2.0 - Skim Sokongan Pekerjaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023. Program ini merupakan satu insentif penggajian kepada majikan daripada sektor swasta dan GLC (*Government-Linked Companies*) serta GLIC (*Government-Linked Investment Companies*) untuk melakukan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti Orang Kurang Upaya (OKU), bekas banduan, pesara dan warga emas.
- 2.8 Seterusnya, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan insentif penggajian baharu pada 18 Oktober 2024 iaitu Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Penggajian Golongan Rentan oleh Majikan di Sektor Swasta dan GLC/GLIC secara bersasar di bawah Belanjawan 2025. Program ini adalah merupakan satu insentif kepada majikan yang menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU dan bekas banduan sebanyak RM600 sebulan selama tiga (3) bulan di bawah seliaan PERKESO.

### 3. LIPUTAN PROGRAM

- 3.1 Program ini meliputi majikan yang melakukan pengambilan pekerja baharu dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti OKU dan bekas banduan dengan insentif khas sebanyak RM600 sebulan selama tiga (3) bulan untuk majikan yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasar ini.
- 3.2 Program Daya Kerjaya 3.0 ini tidak menghadkan permohonan bilangan pekerja yang ditetapkan kepada majikan mengikut kelayakan kategori.
- 3.3 Majikan juga boleh mendapatkan calon dalam kalangan golongan rentan melalui laman sesawang <https://myfuturejobs.gov.my/ms/utama/> atau mendapatkan perkhidmatan PERKESO di mana-mana Pejabat PERKESO berhampiran. Majikan boleh menghadiri mana-mana program temuduga dan karnival seluruh Malaysia anjuran PERKESO bagi mendapatkan calon yang bersesuaian.
- 3.4 Majikan turut boleh mendapatkan khidmat nasihat dari PERKESO bagi penggajian golongan mudah terjejas dalam kalangan OKU/peserta RTW (*Return To Work*) di bawah PERKESO dan bekas banduan. Khidmat nasihat ini merangkumi aspek penyesuaian kerja, sokongan psikologi dan tempat kerja (*Job Coaching*) untuk menyokong penggajian golongan mudah terjejas serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.
- 3.5 Program ini meliputi majikan yang telah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO semasa permohonan dilakukan.

- 3.6 Majikan juga hendaklah telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM – *Companies Commission of Malaysia*) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa permohonan bagi program ini dilakukan.
- 3.7 Agensi Pekerjaan Swasta, Syarikat Penyumberan Luar (***Outsourcing / Contractor for Service***) dan lain-lain majikan serupa yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukan sebagai majikan adalah **tidak layak membuat permohonan Program Daya Kerjaya 3.0** ini.
- 3.8 Walau bagaimanapun, Agensi Pekerjaan atau Syarikat Penyumberan Luar yang bertindak sebagai majikan langsung, yang melaksanakan pembayaran gaji dan caruman pekerja adalah layak untuk membuat permohonan bagi insentif ini.

#### **SYARAT KELAYAKAN BAYARAN**

- 3.9 Permohonan bagi program ini dibuka **mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh kerajaan.
- 3.10 Program ini merupakan insentif penggajian sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan kepada majikan yang mengambil pekerja mulai 1 Disember 2024 daripada golongan rentan seperti berikut:
- i. Orang Kurang Upaya (OKU)
  - ii. Peserta *Return To Work* PERKESO

- iii. Bekas banduan/Orang diparol (ODP)/ Orang bebas berlesen (OBB)/ Penghuni Bebas Lesen (PBL) / Orang Diselia (ODS)

3.11 Peserta Program *Return To Work* (RTW) PERKESO merupakan pencarum PERKESO yang mengikuti program pengurusan hilang upaya untuk mengekalkan atau mengembalikan semula pekerja ke alam pekerjaan lebih awal secara sihat serta selamat.

3.12 Peserta Program RTW PERKESO yang tidak mempunyai kad OKU dan menyertai program penempatan pekerjaan PERKESO di bawah Portal Pekerjaan Nasional MYFutureJobs serta memenuhi kriteria ketidakupayaan yang digariskan oleh pihak PERKESO juga layak di bawah program ini.

3.13 Definisi bagi terma Bekas banduan/ Orang diparol (ODP) / Orang bebas berlesen (OBB) / Penghuni bebas lesen (PBL) / Orang diselia (ODS) yang layak dimohon di bawah program ini adalah seperti berikut.

- **Bekas banduan** adalah banduan yang telah tamat hukuman sepenuhnya.
- **Orang diparol** adalah banduan yang ditawarkan pelepasan awal melalui Sistem PAROL dan perlu menjalani Pemulihan dalam komuniti.
- **Orang bebas berlesen** adalah banduan yang dilepaskan secara lesen dan perlu menjalani pemulihan dalam komuniti (bekerja) untuk pembebasan awal (Kawalan sepenuhnya oleh Pegawai Parol).
- **Penghuni bebas lesen (PBL)** adalah Program pembebasan awal penghuni Sekolah Henry Gurney yang menjalani pemulihan dalam komuniti (bekerja serta berada di asrama majikan dan kawalan sepenuhnya oleh Pegawai Parol)

- **Orang Diselia** adalah banduan yang sedang mengikuti Program Pemulihan Pemasarakatan di kem tentera atau tempat-tempat lain yang diluluskan.

3.14 Majikan yang memohon insentif pengambilan pekerja ini adalah dikehendaki mengiklankan kekosongan jawatan dan melengkapkan profil majikan di Portal MYFutureJobs. Majikan juga digalakkan mengambil pencari kerja yang mempunyai profil yang lengkap melalui Portal MYFutureJobs dengan melayari <https://www.myfuturejobs.gov.my/>. Sekiranya majikan mengambil calon pekerja selain dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs, majikan hendaklah memastikan agar pekerja yang diambil tersebut kemudiannya berdaftar dengan Portal MYFutureJobs.

3.15 Selain itu juga, majikan adalah dikehendaki untuk memastikan pekerja tersebut telah berdaftar dan melengkapkan profil dengan mengisi medan nama, nombor kad pengenalan, alamat, tahap pendidikan dan pengalaman kerja di Portal MYFutureJobs.

3.16 Tuntutan program ini adalah sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan bagi setiap pengambilan pekerja dalam kalangan golongan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU), dan bekas banduan. Tuntutan bagi program ini tidak mempunyai had bilangan pekerja.

3.17 Tempoh kelulusan tuntutan program Daya Kerjaya 3.0 akan diambil kira bermula dari tarikh permohonan dihantar di Portal Kerjaya MADANI – Daya Kerjaya 3.0 sekiranya dokumen lengkap diterima dan majikan memenuhi syarat kelayakan.

- 3.18 Bagi majikan yang memilih untuk menerima insentif ini, majikan adalah digalakkan untuk membayar gaji seperti yang diiklankan di dalam Portal MYFutureJobs serta mengiklankan jawatan dan melengkapkan profil majikan di Portal MYFutureJobs. Majikan juga hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955.
- 3.19 Bagi majikan yang membayar gaji harian kepada pekerja di bawah program ini adalah dibenarkan selagi mematuhi kadar minimum yang telah ditetapkan oleh kerajaan serta kadar yang pasti diterima oleh pekerja setiap bulan.
- 3.20 Majikan tidak dibenarkan untuk memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (*substitute*) dengan pekerja yang sama atau yang baharu untuk permohonan Program Daya Kerjaya 3.0.
- 3.21 Majikan yang memohon Insentif Penggajian Secara Bersasar ini hendaklah menawarkan kontrak perkhidmatan *Contract of Service*. Majikan yang menawarkan pekerjaan yang berkonsepkan *Mulfi Level Marketing (MLM)*, pekerjaan bersifat sementara dan kontrak bagi perkhidmatan *Contract for Service* adalah tidak layak memohon program ini.
- 3.22 Majikan adalah dilarang untuk membuat pendaftaran bagi pihak pencari kerja di Portal MYFutureJobs kerana hanya individu yang mencari kerja sahaja dibenarkan untuk membuat pendaftaran sebagai pencari kerja di Portal MYFutureJobs dengan melengkapkan profil individu sebelum membuat permohonan pekerjaan.



3.23. Majikan yang mengambil pekerja baharu yang berikut adalah **tidak layak** memohon Program Daya Kerjaya 3.0 ini :

- a. Majikan yang **TIDAK** berdaftar atau mencarum dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) semasa permohonan dilakukan.
- b. Majikan atau perusahaan yang **TIDAK** berdaftar dengan SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan semasa permohonan dilakukan.
- c. Pekerja yang sedang menerima Insentif Penggajian Pekerja (Program Daya Kerjaya 2.0) bagi golongan mudah terjejas, di bawah Belanjawan 2024.
- d. Golongan yang tidak tergolong daripada kumpulan bersasar.
- e. Ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik dan anak yang diambil sebagai pekerja.
- f. Pekerja selain daripada pekerja berstatus warganegara, pemastautin tetap atau pemastautin sementara.
- g. Pekerja yang telah diberhentikan kerja atau berhenti kerja secara sukarela selepas menyertai program ini bagi tuntutan seterusnya.
- h. Pekerja yang telah berhenti/diberhentikan kerja dengan majikan yang memohon sebelum permohonan ini dibuat.
- i. Pemilik perniagaan yang memohon untuk dirinya sendiri.
- j. Semua pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka yang bekerja sendiri atau individu yang tidak mempunyai majikan.

## TATACARA PERMOHONAN

3.24 Majikan hendaklah mengemukakan permohonan Program Daya Kerjaya 3.0 secara *online* di laman sesawang <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my/> dengan mendaftar sebagai akaun majikan.

3.25 Dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Daya Kerjaya 3.0 adalah seperti berikut:

- i. Salinan akaun bank majikan (salinan halaman hadapan Penyata Bank / muka depan buku bank yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank).
- ii. Salinan nombor pendaftaran perniagaan majikan yang telah disahkan oleh pihak bank (Business Registration Number - BRN).
- iii. Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM (Borang 9 & Profil Syarikat) atau pihak berkuasa yang lain seperti ROS, ROC, PBT, dan lain-lain.
- iv. Salinan kad pengenalan pekerja (Depan dan Belakang).
- v. Salinan kontrak pekerjaan pekerja dimohon di bawah program ini.
- vi. Borang Pengesahan Pekerja yang telah ditandatangani oleh pekerja dan majikan yang berkenaan. Majikan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan butiran pekerja dengan tepat terutamanya nombor telefon pekerja.
- vii. Perakuan / Self Declaration oleh majikan sekiranya pekerja tersebut adalah dari Kategori Golongan Rentan seperti di dalam jadual seperti di bawah:

Kategori Kelayakan	Dokumen/Maklumat Pengesahan
<p><b>Orang kurang upaya (OKU) / Peserta Return to Work (RTW) di bawah PERKESO</b></p>	<p><b>OKU</b> : Nombor Kad OKU / Salinan Kad OKU  <b>Peserta RTW</b> : Salinan kad pengenalan</p>
<p><b>Orang diparol (ODP) / Orang bebas berlesen (OBB) / Penghuni bebas lesen (PBL) / Bekas banduan / Orang Diselia (ODS)</b></p>	<p>Pengesahan Jabatan Penjara Malaysia &amp; Kementerian Dalam Negeri</p>

viii. Borang Perakuan Berkanun bahawa kenyataan yang diberikan oleh pihak majikan adalah benar (sekiranya diminta oleh pihak PERKESO).

3.26 Majikan sedia ada yang pernah memohon Insentif Penggajian (PenjanaKerjaya, JaminKerja dan Daya Kerjaya 1.0/2.0) sebelum ini, rekod dokumen terdahulu akan disimpan secara automatik dalam Portal Kerjaya MADANI – Daya Kerjaya 3.0.

3.27 Majikan dikehendaki untuk menyemak maklumat di 3.24 (i) dan 3.24 (ii) di atas dan memastikan maklumat tersebut adalah betul dan tepat bagi mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.

3.28 Bagi bulan-bulan berikutnya, majikan tidak perlu mengemukakan permohonan yang baru. Walau bagaimanapun, majikan dikehendaki mengemaskini perubahan maklumat melalui Portal Kerjaya MADANI - Daya Kerjaya 3.0 jika terdapat perubahan kepada status keaktifan perniagaan atau status pekerja layak

selewat-lewatnya pada 15 hari bulan pada bulan berikutnya. Kegagalan majikan mengisytiharkan apa-apa perubahan akan dikenakan tindakan undang-undang dan PERKESO berhak menuntut balik bayaran yang telah diterima oleh majikan atau membuat penyesuaian dengan bantuan insentif ini.

3.29 Majikan juga adalah diwajibkan untuk membayar caruman mengikut peruntukan Akta 4 dan Akta 800. PERKESO berhak untuk mengantungkan atau menamatkan pembayaran insentif ini sekiranya mendapati tiada caruman dibayar oleh majikan.

3.30 PERKESO berhak meminta sebarang dokumen pembuktian berkaitan sekiranya perlu. Dalam keadaan ini, majikan adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.

3.31 Kegagalan majikan mengisytiharkan perubahan atau mengemukakan dokumen seperti di perenggan 3.26 sehingga 3.28 atau pelanggaran majikan ke atas apa-apa syarat bagi program ini atau dokumen yang tidak benar, tidak betul atau palsu, PERKESO berhak mengambil tindakan seperti berikut:-

- **Menolak kesemua permohonan atau menangguh dan memberhentikan bayaran** sekiranya majikan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya majikan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas.

- **Menggantung semua permohonan** daripada majikan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.
- **Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar** sekiranya majikan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut.

#### 4. PEMAKAIAN

Permohonan bagi program ini boleh dilakukan secara *online* di <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my> mulai **1 Januari 2025** sehingga **31 Disember 2025** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh kerajaan.

#### 5. PERTANYAAN DAN ADUAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau melalui emel [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

## 6. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai **6 Januari 2025** dan tertakluk kepada pindaan atau sebarang perubahan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pekerja Kesuma Bangsa"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Perfubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 31 Januari 2025